

# RIDWORM SUSPENSION

Pyrantel pamoate (125mg / 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ridworm
2. Bagaimana Ridworm berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ridworm
4. Cara menggunakan Ridworm
5. Semasa menggunakan Ridworm
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ridworm
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Ridworm

Ridworm digunakan untuk merawat cacing parasit atau cacing dalam usus termasuk cacing gelang, cacing kait dan cacing kerawit.

## Bagaimana Ridworm berfungsi

Ridworm mengandungi pyrantel pamoate sebagai bahan aktif. Pyrantel pamoate berfungsi dengan melumpuhkan sistem saraf cacing.

## Sebelum menggunakan Ridworm

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- pyrantel pamoate
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda koyakan dan dibuka pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

### - Sebelum menggunakan Ridworm

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai fungsi hati yang terjejas.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan terutamanya piperazine. Piperazine digunakan dalam rawatan jangkitan cacing.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Ridworm.

## Cara menggunakan Ridworm

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Goncang sebelum digunakan.

### - Berapa banyak harus digunakan

*Kanak-kanak 6 bulan hingga 2 tahun:*  
Ambil separuh botol ubat.

*Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun:*  
Ambil separuh hingga satu botol ubat.

*Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:*  
Ambil satu hingga dua botol ubat.

*Umur lebih 12 tahun:*  
Ambil dua hingga tiga botol.

### - Bila perlu digunakan

Ambil Ridworm seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil Ridworm seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Ridworm, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidak selesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

## Semasa menggunakan Ridworm

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Ridworm.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Ridworm.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Ridworm untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Ridworm mempengaruhi anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Beberapa kesan-kesan sampingan Ridworm yang paling kerap berlaku termasuk gangguan perut dan usus seperti rasa loya, muntah-muntah, hilang selera makan, sakit perut dan cirit-birit. Kesan sampingan yang lain yang dilaporkan termasuk ruam dan peningkatan enzim hati .

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapat apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Ridworm**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C.

Jangan simpan Ridworm atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
15/02/2018

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

**Nombor Siri:**  
NPRA(R4/1)130218/00047

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Ridworm atau ubat ini sudah melepas tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Ampaian berwarna kuning, berperisa buah-buahan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:  
Pyrantel pamoate

- Bahan tidak aktif:

- FD & C Yellow No. 6
- Sugar
- Tragacanth gum
- Pineapple essence
- Banana essence
- Propylparaben
- Methylparaben
- Saccharin sodium

- Nombor MAL

MAL19912704X

**Pengilang**

Upah Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Upah Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.